



## **SIARAN MEDIA**

### **PERSEDIAAN AGIHAN BEKALAN AIR SEPANJANG TEMPOH CUTI PERAYAAN HARI RAYA AIDILFITRI 2022**

#### **Persediaan Air Kelantan Sdn Bhd (AKSB) sepanjang tempoh cuti perayaan**

1. AKSB menjangkakan penggunaan bekalan air terawat akan meningkat sepanjang cuti perayaan Hari Raya Aidilfitri pada 2022 berbanding dua tahun yang lalu. Disamping balik kampung untuk meraikan sambutan Hari Raya Aidilfitri, cuti kelepasan Am ini juga akan diambil kesempatan oleh semua lapisan masyarakat untuk bercuti bersama keluarga. Dijangkakan kemasukan lebih kurang 2 juta buah kenderaan ke Kelantan. Dengan kepulangan para perantau ke Kelantan yang telah dua tahun tidak dapat meraikan perayaan di kampung halaman kerana sekatan perjalanan akibat penularan wabak Covid -19 dijangka akan meningkatkan lagi permintaan terhadap bekalan air terawat.
2. AKSB telah mengambil langkah proaktif dalam membuat persediaan awal bagi menghadapi perayaan Hari Raya Aidilfitri tahun ini sebagaimana berikut:

- i) Kesemua Loji Rawatan Air (LRA) AKSB beroperasi dengan kapasiti maksima dengan keseluruhan pengeluaran air melebihi 500 juta liter sehari (JLH) iaitu 519 JLH. Terdapat juga projek penggantian dan pemuliharaan telaga tiub yang masih dalam pembinaan dan dijangkakan akan siap sebelum menjelang Hari Raya. Dengan penyiapan projek ini penambahan sebanyak 14 JLH akan dapat diperolehi dan akan meningkatkan pengeluaran air terawat kepada 533 JLH. Kawasan yang terlibat dengan penambahan air terawat ini melibatkan sebahagian Jajahan Kota Bharu dan Bachok.
- ii) Kerja-karya penyelenggaraan berjadual di LRA-LRA yang boleh menyebabkan pengurangan pengeluaran akan ditunda;
- iii) Stok bahan kimia di LRA-LRA akan dipastikan mencukupi bagi pengoperasian loji sepanjang musim perayaan Hari Raya Aidilfitri ini;
- iv) Sebanyak 443 buah tangki statik (TS) bersaiz 500 hingga 2000 gelen ditempatkan diseluruh jajahan iaitu di kawasan yang bertekanan rendah dan sering mengalami gangguan bekalan air. TS diletakkan di lokasi-lokasi strategik untuk membolehkan pengguna mendapatkan bekalan air terawat jika berlaku gangguan bekalan air terawat;
- v) AKSB turut menyediakan sembilan buah lori tangki air milik AKSB dan tambahan 22 buah lori tangki air kontrak (LAK) di seluruh jajahan untuk mengisi air di TS dan menghantar air kepada pengguna yang menghadapi gangguan bekalan air. AKSB telah memastikan lori-lori ini diselenggara dengan baik dan dapat beroperasi dengan sempurna semasa musim perayaan Hari Raya Aidil Fitri ini ;
- vi) AKSB akan memastikan kakitangan yang bertugas di Unit Mekanikal dan Elektrikal AKSB serta kakitangan yang terlibat dengan pengoperasian rawatan dan agihan air terawat termasuk pembaikan kebocoran di seluruh jajahan sentiasa mencukupi;

- vii) AKSB juga telah meminta kontraktor luar untuk tunggu sedia untuk membantu melaksanakan sebarang kerja kecemasan yang diluar kemampuan kakitangan AKSB;
- viii) AKSB juga akan menyediakan perbelanjaan awalan kepada setiap jajahan untuk kegunaan kerja-kerja kecemasan bagi memastikan pergerakan operasi berjalan dengan lancar;
- ix) Pemantauan dan kawalan terhadap tangki-tangkiimbangan juga akan dilakukan oleh AKSB bagi memastikan keperluan air terawat sentiasa dapat dipenuhi;
- x) AKSB melalui Unit Hal Ehwal Pengguna (PINTAS) akan menerima aduan daripada pengguna sepanjang tempoh perayaan seperti jadual dibawah:

Hari dan Tarikh	Perkara	Masa
Hari Raya Pertama (3/5/2022)	Masa operasi talian aduan@call centre *Kaunter aduan ditutup	10.30am-10.00pm
Hari Raya Kedua (4/5/2022)	Masa operasi talian aduan@call centre *Kaunter aduan ditutup	8.00am-10.00pm
Hari Raya Ketiga dan seterusnya	Masa operasi talian aduan@call centre * Kaunter aduan dibuka	8.00am-10pm

- xi) PINTAS boleh dihubungi melalui talian 15777 atau ATAU whatsapp ke 019-5755777 atau email ke [pintas@airkelantan.com.my](mailto:pintas@airkelantan.com.my) atau muat turun applikasi

MyAKSB melalui Google Play Store dan App Store untuk mendapatkan maklumat mengenai bekalan Air Kelantan Sdn Bhd.

3. AKSB amat menghargai sekiranya semua pihak dapat sama-sama menggunakan air secara berhemah dan dapat membantu membuat laporan atau aduan sekiranya ada sebarang insiden paip bocor atau pecah pada kadar segera kepada AKSB melalui platform-platform aduan rasmi yang telah disediakan oleh AKSB seperti yang dimaklumkan di atas. (rujuk Perenggan 2 xi)

Sekian. Terima kasih.

**Unit Komunikasi Korporat  
Pejabat Pengurus Besar  
Air Kelantan Sdn Bhd**

**17 April 2022**